



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERSEPSI PELAJAR DAN GURU TERHADAP
PELAKSANAAN PROGRAM PENINGKATAN
DISIPLIN DI SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA BHARU**



05-4506832

SAROYA BT CHE AB RAHMAN

PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERSEPSI PELAJAR DAN GURU TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM
PENINGKATAN DISIPLIN DI SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KOTA BHARU**

SAROYA BT CHE AB RAHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi




PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

14 JUN 2007

.....
SAROYA BT CHE AB RAHMAN
M20051000112



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, segala puji-pujian hanya untuk Allah (s.w.t) Tuhan semesta alam. Pertama-tamanya, saya bersyukur ke hadirat Ilahi kerana telah mengurniakan kesihatan dan ilham yang baik sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Dengan limpah izinNya jua, saya telah dapat menyiapkan kertas projek ini dengan sewajarnya bagi memenuhi keperluan sebahagian daripada syarat Sarjana Pendidikan dalam bidang Pengurusan Pendidikan.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Encik Mohd Asri bin Mohd Noor, yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bantuan kepada saya dalam usaha menyiapkan kertas projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat semua pensyarah dan kakitangan UPSI yang secara langsung dan tidak langsung telah mencurahkan ilmu dan bantuan mereka dalam tempoh pembelajaran saya di UPSI.

Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Pengarah Pelajaran Negeri Kelantan, Pengetua-pengetua sekolah, guru-guru yang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini serta rakan-rakan.

Akhir sekali tidak dilupakan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat suami, Azhar Hilmy Mustaffa, anak-anak, Syathirah Hanim, Ameerah Nabillah, Ahmad Nazirin dan Muhammad Asyraaf serta kedua ibu bapa saya, ayahanda Haji Ab Rahman Ibrahim dan bonda Hajjah Zakiah@Rohani Ibrahim yang telah banyak membantu dan sentiasa memberi galakan sepanjang tempoh pengajian. Hanya Allah (s.w.t) jua yang dapat membalas dan menyaksikan segala jasa dan bantuan yang telah diberikan.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau persepsi pelajar dan guru terhadap pelaksanaan program peningkatan disiplin (PPD) yang dijalankan di sekolah dalam usaha menangani permasalahan disiplin di kalangan pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 223 orang pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat serta 44 orang guru yang mewakili empat buah sekolah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Kajian dijalankan secara tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif serta instrumen soal selidik sebagai alat kajian. Analisis deskriptif (peratus dan skor min) dan inferensi (t-test dan Anova satu hala) digunakan bagi menjawab persoalan dan hipotesis kajian yang mana ia menunjukkan tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan secara saintifik pelaksanaan program peningkatan disiplin berdasarkan latar belakang pelajar. Keputusan kajian secara keseluruhan adalah sederhana tinggi dan sedikit sebanyak dapat membantu menangani permasalahan disiplin pelajar sekolah. Selain dari itu, guru-guru dan pelajar mempunyai persepsi dan sikap yang positif serta mahu program ini diteruskan. Ia juga menunjukkan bahawa tingkah laku kurang sopan/biadap adalah paling dominan diikuti dengan salah laku ponteng di kalangan pelajar sekolah. Di samping itu beberapa masalah yang mempengaruhi keberkesanan program seperti pengurusan masa, kelengkapan tempat dan persefahaman antara pihak yang terbabit. Cadangan dari kajian ini ialah agar program yang dijalankan dipantau dari masa ke semasa bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan proses pelaksanaan. Adalah juga disarankan supaya guru-guru melibatkan diri dari awal pelaksanaan program peningkatan disiplin ini.



ABSTRACT






This study was done to survey the students and teachers perception on the implementation of 'Program Peningkatan Disiplin' (PPD) which was carried out in schools to overcome the disciplinary problems among students. The samples of the study included 223 students from form two and form four and 44 teachers from four secondary schools in the district of Kota Bharu, Kelantan. Quantitative techniques and questionnaires were employed as the method of the study. Descriptive analysis (percentage and mean score) and inferences (t-test and one-way Anova) have been used in finding the solutions to the studies and it shows that there is no significant difference statistically in terms of the programmes implementation based on the students background. Overall, the implementation of this programme is at a moderate high level, thereby indicating that there is a prospect of it being useful in handling disciplinary problems among students. Teachers and students have good perceptions and positive attitudes towards the implementation of the programme. From the study, it shows that rudeness and ill mannerisms are the most dominant followed by absenteeism/truancy among students. Factors affecting the effectiveness of the implementation of the programme are proper facilities, time management and good understandings among those involved in the programme. The study suggests that the programme to be implemented has to be monitored from time to time in order to identify any strengths and weaknesses in the implementation process. It is also suggested that all teachers participate starting from the early stages of the programme.






KANDUNGAN











Muka surat











PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1	PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	3
1.3	Pernyataan masalah	4
1.4	Tujuan kajian	7
1.5	Objektif kajian	8
1.6	Persoalan kajian	8
1.7	Kepentingan kajian	9
1.8	Batasan kajian	10
1.9	Hipotesis kajian	11

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
1.10	Kerangka konsep kajian			11
	1.10.1	Rasional pemilihan model CIPP		14
1.11	Definisi operasional			17
	1.11.1	Program peningkatan disiplin		17
	1.11.2	Persepsi		17
	1.11.3	Sikap		18
	1.11.4	Tahap salah laku		18
	1.11.5	Penilaian proses pelaksanaan		19
	1.11.6	Penilaian produk / hasil		19
1.12	Definisi Penilaian Program			19
1.13	Definisi : Konsep, Dasar dan Proses yang diamalkan di sekolah			20

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
BAB 2	KAJIAN LITERATUR			
2.1	Pendahuluan			23
2.2	Model-model penilaian			24
2.3	Kajian lepas menggunakan pendekatan model CIPP			25
2.4	Kajian-kajian lepas berkenaan PPD			27
2.5	Kajian-kajian lepas berkaitan disiplin			34
	2.5.1	Aspek jantungina		35
	2.5.2	Aspek umur		35
	2.5.3	Aspek latar belakang status sosio ekonomi (SES) serta pendidikan ibu bapa		36
	2.5.4	Aspek penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum		37

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	
	2.5.5	Kesalahan jenayah, dadah dan salah laku			38
	2.5.6	Aspek-aspek lain			39
	2.6	Keperluan program PPD di sekolah			40
	2.7	Program kerohanian			43
	2.8	Penglibatan pelajar dalam ko–kurikulum			45
	2.9	Rumusan			46
BAB 3		METODOLOGI			
	3.1	Pendahuluan			48
	3.2	Reka bentuk kajian			49
	3.3	Populasi dan sampel kajian			49
	3.3.1	Pemilihan sampel			51
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	
	3.4	Lokasi kajian			51
	3.5	Instrumen / alatan kajian			52
	3.6	Tata cara pemerolehan data			53
	3.7	Tata cara pemprosesan data			53
	3.7.1	Analisis deskriptif			53
	3.7.2	Analisis inferensi			54
	3.8	Kajian rintis			55
	3.9	Rumusan			58
BAB 4		DAPATAN KAJIAN			
	4.1	Pendahuluan			59

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
4.2	Profil responden kajian			60
4.3	Analisa persoalan kajian			
4.3.1	Persoalan kajian pertama			69
4.3.2	Persoalan kajian kedua			70
4.3.3	Persoalan kajian ketiga			73
4.3.4	Persoalan kajian keempat			75
4.3.5	Persoalan kajian kelima			79
4.4	Rumusan			84
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN			
5.1	Pendahuluan			86
5.2	Perbincangan kajian			87
 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
5.2.1	Profil responden			87
5.2.2	Tahap pelaksanaan program peningkatan disiplin			89
5.2.3	Persepsi pelajar terhadap proses perlaksanaan PPD			89
5.2.4	Persepsi guru terhadap proses perlaksanaan PPD			90
5.2.5	Pelaksanaan program PPD berdasarkan latar belakang pelajar			91
5.2.6	Tahap dan jenis – jenis salah laku yang dominan dilakukan oleh pelajar			94
5.3	Rumusan kajian			95
5.4	Implikasi dan cadangan			98
5.5	Cadangan untuk kajian lanjut			101

RUJUKAN


105

LAMPIRAN

- a Soal selidik pelajar dan guru
- b Surat kebenaran EPRD bagi menjalankan kajian
- c Surat kebenaran JPN kelantan bagi menjalankan kajian

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
2.1 Jumlah kes salah laku pelajar	42
3.1 Bilangan item sebelum dan selepas kajian rintis	56
3.2 Nilai kesahan item dan nilai kebolehpercayaan konstruk	57
4.1 Taburan responden mengikut jantina dan umur	61
4.2 Latar belakang pekerjaan ibu dan bapa	62
4.3 Latar belakang pendapatan ibu dan bapa	63
4.4 Latar belakang pendidikan ibu dan bapa	65
4.5 Penglibatan pelajar dalam ko-kurikulum	66
4.6 Program yang disertai pelajar/ responden	67
4.7 Taburan responden mengikut jantina dan tempoh perkhidmatan	68
4.8 Tahap pelaksanaan program peningkatan disiplin	70
4.9 Persepsi pelajar terhadap proses pelaksanaan PPD	71
4.10 Persepsi guru terhadap pelaksanaan PPD	75
4.11 Ujian-t pelaksanaan PPD berdasarkan jantina	76
4.12 Ujian-t pelaksanaan PPD berdasarkan umur	77
4.13 Ujian Anova satu hala pelaksanaan PPD berdasarkan penglibatan pelajar dengan ko-kurikulum	78
4.14 Jenis-jenis dan tahap salah laku dominan	79
4.15 Interpretasi tahap salah laku berdasarkan peratus	80
4.16 Tahap dan peratus jenis-jenis salah laku	82



SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1.1 Kerangka konsep kajian	12
1.2 Model penilaian CIPP oleh Stufflebeam 1971	25
1.3 Pemilihan sample kajian	51





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

1.	Program Peningkatan Disiplin	PPD
2.	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	FPK
3.	Kementerian Pelajaran Malaysia	KPM
4.	Jabatan Pelajaran Negeri	JPN
5.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	JKM
6.	Status Ekonomi dan Sosio	SES
7.	Program Sistem Penalti	PSP
8.	Sisihan Piawai	s.p



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan



Sekolah merupakan salah satu institusi pendidikan yang ditubuhkan bagi melahirkan warga negara yang berkaliber, cemerlang, gemilang serta boleh memenuhi hasrat dan visi wawasan negara. Melahirkan seorang pelajar yang berupaya mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu baik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan merupakan hasrat sistem pendidikan di Malaysia yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Menurut Wan Zahid (1997), usaha ini dilakukan bagi melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencari kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara.



Melihat dari perspektif Islam, proses pendidikan bukanlah sekadar memenuhkan minda dengan segala ilmu pengetahuan, tetapi turut bermaksud untuk mendidik akhlak dan jiwa, membiasakan dengan kesopanan yang tinggi serta mempersiapkan generasi untuk satu kehidupan yang suci, ikhlas dan jujur.

Hasrat murni ini akan terlaksana sekiranya ibu bapa, sekolah dan masyarakat bersatu dan berusaha bersungguh-sungguh merealisasikan matlamat tersebut. Keterlibatan pelajar sekolah dalam pelbagai masalah disiplin yang semakin serius seperti mencuri, memeras ugut, menyalahgunakan dadah, ponteng sekolah, memukul guru dan sebagainya telah mendapat maklum balas dari pelbagai pihak, yang secara langsung telah mengkritik pihak yang diamanahkan tidak memainkan peranan sebagai pendidik. Bagaimanapun pendekatan positif yang menekankan belaian dan bimbingan serta pemberian peluang kedua mesti digunakan bagi menangani masalah gangsterisme dan keganasan di sekolah (Ibrahim, 1997).

Konsep delikueni merupakan satu istilah yang mempunyai banyak pengertian, antaranya sebagai tingkah laku devian, menyeleweng dan kenakalan. Sesetengah ahli sosiologi dan psikologi menggunakan istilah juvenil delikuen iaitu sebagai satu kegiatan anti sosial yang dilakukan oleh individu di bawah umur dewasa. Manakala dari sudut budaya sekolah, delikueni diertikan sebagai pelanggaran disiplin sekolah. Apabila pelajar berdisiplin, bererti mereka mengikut peraturan, tatasusila, akhlak dan kesopanan sekolah (Ab. Alim, 1994). Mengikut beliau lagi perbuatan yang sering dilabelkan sebagai delikueni ialah seperti perlakuan bercorak jenayah, perlakuan yang tidak bermoral, mencabuli maruah orang lain, kesalahan yang tidak boleh diperbetulkan dan menggunakan bahasa lucah di tempat awam.

1.2 Latar belakang kajian

Fenomena delikueni yang umumnya melibatkan golongan remaja menimbulkan kebimbangan masyarakat. Semua pihak mempunyai harapan yang tinggi terhadap pelajar bagi memastikan kesinambungan tamadun dan pembangunan negara. Walau bagaimanapun, gambaran yang diperolehi tentang pelajar ketika ini amat tidak menggalakkan. Usaha untuk membina belia bukanlah perkara yang mudah, memerlukan iltizam yang tinggi dari semua pihak. Masalah tingkah laku delikueni dan keruntuhan akhlak pelajar menandakan ada kesilapan tertentu sama ada kesan daripada pendidikan formal atau tidak formal (Mohd Salleh, 1992).

Menurut Salahudin dan W.Ab Aziz (2004), pendidikan yang bermula dari rumah adalah merupakan asas yang kukuh kepada anak-anak sebelum mereka menerima pendidikan secara formal di sekolah. Penyediaan tapak dan asas yang dibina oleh ibu bapa hendaklah betul-betul kukuh supaya setiap anak teguh peribadi dalamannya. Tidak cukup dan mustahil dengan hanya menyerahkan tugas mendidik anak-anak kepada guru sekolah bagi tujuan memperbaiki akhlak anak-anak.

Secara sedar atau tidak, tingkah laku delikueni pelajar sekolah berlaku kerana transformasi arus pemodenan dan pembangunan zaman yang tidak seimbang dengan pembangunan insan seperti yang ditekankan dalam Wawasan 2020. Apabila negara menjadi canggih dan progresif, pendidikan mula menjadi agenda penting dalam usaha menuju ke arah pembangunan ekonomi, sosial dan politik. Justeru, sistem pendidikan menjadi teras bagi menyalurkan ilmu untuk membentuk rakyat yang berpendidikan, berkualiti serta berupaya meningkatkan maruah bangsa dan negara (Ibrahim, 1997).

Pendidikan di Malaysia harus dilaksanakan secara bersepadu antara pembangunan sains dan teknologi dengan pembangunan manusia sebagai insan. Menurut Zarin (1998), insan yang cemerlang ialah insan yang berilmu pengetahuan,

berketramplan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri. Sekolah dikatakan begitu berjaya mengeluarkan hampir seluruh potensi yang ada dalam diri pelajar yang bersifat kognitif dan psikomotor, tetapi kurang mampu dalam memperkembangkan nilai-nilai moral dan akhlak mereka. Menyedari keadaan inilah pihak sekolah terpaksa mengadakan pelbagai program yang dirasakan perlu dalam menangani permasalahan disiplin pelajar sekolah pada hari ini bagi membantu merealisasikan matlamat wawasan pendidikan negara 2020. Program yang efektif dan efisien dalam menangani permasalahan disiplin adalah memerlukan satu perancangan yang baik bagi memberi keputusan yang sepatutnya.

Justeru, adalah wajar pelajar-pelajar dibantu terutamanya pada peringkat awal jika masalah sosial dan tingkah laku delikueni hendak dibendung, iaitu dengan menyediakan program yang dapat membantu mereka meningkatkan motivasi untuk memajukan diri. Bagaimanapun ini tidak bermakna Program Peningkatan Disiplin (PPD) tidak perlu dilaksanakan jika keputusannya kurang berkesan tetapi strategi perlu diubah dan disesuaikan dengan kehendak semasa atau fleksibel.

1.3 Pernyataan masalah

Permasalahan disiplin di kalangan pelajar sekolah dilihat sebagai satu fenomena yang sukar untuk diatasi. Menurut Khatijah dan Norazizah (1997), permasalahan disiplin semakin ketara berlaku di kalangan pelajar sekolah baik di bandar ataupun di luar bandar, di sekolah berasrama penuh ataupun di sekolah harian biasa dan ia berlaku di mana-mana sahaja di seluruh negara. Apa yang berlaku pada hari ini merupakan suatu realiti yang terpaksa diterima iaitu kekosongan jiwa dari agama yang menjadi faktor utama kepada keterlibatan remaja dalam salah laku delikueni. Pelbagai pandangan

dan pendapat dikemukakan oleh ahli-ahli akademik berkenaan permasalahan tersebut baik dari segi isu-isu semasa, punca masalah dan langkah-langkah yang patut diambil bagi menanganinya. Menurut Khatijah dan Norazizah (1997) lagi, pencegahan dan pengawasan terhadap permasalahan disiplin melalui pendidikan bagi golongan ini dilihat sebagai satu pendekatan yang komprehensif untuk mengurangkan kadar permasalahan disiplin sekolah pada hari ini. Mengikut Mahmood Nazar (2004), pembentukan program-program pencegahan yang tidak disusun dengan teratur dan sistematik menyebabkan ia sukar untuk dilaksanakan dengan jayanya. Ini kerana pembentukan dan teknik pelaksanaan sesuatu program memerlukan sokongan dan komitmen daripada pelbagai pihak seperti sekolah, guru-guru, ibu bapa dan masyarakat.

Masalah salah laku yang dihadapi golongan remaja dalam mengharungi kehidupan yang mencabar pada hari ini tidak boleh dibiarkan tanpa sebarang usaha untuk membantu mereka. Sehubungan itu, usaha untuk memahamkan remaja mengenai perkembangan diri serta pemantapan spiritual sangatlah penting untuk melahirkan generasi yang berilmu, beradab dan berupaya mengembangkan kebaikan untuk diri, keluarga, sekolah, masyarakat dan negara (Ahmad Kilani dan Mohd Ismail, 2004).

Di sekolah, disiplin dibentuk bukan sahaja untuk mengawal pelajar-pelajar daripada membuat sesuatu yang melanggar undang-undang norma, kebudayaan dan akhlak masyarakat tetapi juga untuk menanam nilai-nilai murni yang tinggi di kalangan pelajar di samping membolehkan mereka membentuk sikap, kepercayaan, keimanan dan keteguhan prinsip dan lain-lain asas moral dan etika hidup (Robiah dan Nadri, 1991). Namun permasalahan delikueni di kalangan pelajar sekolah semakin serius berikutan peningkatan jumlah laporan permasalahan disiplin pelajar sekolah

yang terbabit dalam kegiatan yang tidak bermoral dan berunsur jenayah (Ab. Alim, 1994). Terdapat juga pelajar yang menyalahi peraturan dengan mempamerkan tingkah laku yang agresif seperti terlibat dengan kes bunuh, peras ugut, membakar sekolah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Fenomena sebegini bukan lagi sesuatu yang baru dan telah terbukti sebanyak 3472 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia telah dikenalpasti menghadapi masalah disiplin yang berkaitan dengan kes ponteng dan perlakuan kurang sopan (Akma dan Bhasah, 2004).

Peningkatan fenomena ini telah menarik minat penyelidik untuk menilai tahap pelaksanaan program-program yang telah dilaksanakan di peringkat sekolah. Apakah persepsi pelajar dan guru terhadap pelaksanaan program PPD yang dijalankan? Walaupun telah banyak program diperkenalkan tetapi masalah salah laku kian menjadi-jadi di kalangan pelajar sekolah di negara ini. Apakah program yang dijalankan tidak sesuai, kurang pendedahan diberikan, tidak mendapat sambutan atau tidak menggunakan pendekatan yang realistik? Pelaksanaan PPD memfokuskan kepada aktiviti kerohanian dan pembinaan akhlak seperti kem motivasi, ceramah agama, solat berjemaah, solat hajat, bina insan dan lain-lain lagi. Walaupun strategi yang digunakan adalah berbeza tetapi matlamat PPD adalah hampir sama antara satu sama lain iaitu untuk membaiki tahap permasalahan disiplin sekolah setelah pendekatan yang bersifat keras telah gagal dalam menyelesaikan permasalahan disiplin. Justeru, menurut Salasiah dan Helwa (2004), semua ini penting ke arah membendung gejala salah laku delikueni remaja sekolah daripada terus merebak yang akhirnya merugikan ketamadunan dan peradaban insan sejagat.

Dalam menangani permasalahan delikueni di kalangan pelajar, ada sekolah yang menggunakan pendekatan secara keras iaitu hukuman, rotan, denda dan buang sekolah (Ibrahim, 1997). Menurutnya juga, walaupun begitu pendekatan yang berupa

pembinaan akhlak turut diperkenalkan setelah semua ikhtiar mendidik pelajar tidak lagi berkesan. Satu cara ialah dengan menggunakan pendekatan yang lebih berhemah dan bersifat membina akhlak, motivasi serta kekuatan dan kepercayaan dalaman pelajar. Usaha ke arah pemantapan akhlak, moral dan kerohanian pelajar serta remaja dipercayai merupakan salah satu jalan penyelesaian kepada masalah salah laku di kalangan remaja masa kini (Salasiah dan Helwa, 2004).

Bagaimanapun, keberkesanan sesuatu program pendidikan bergantung kepada pengetahuan sebenar dan keperluan pelajar selain dari penglibatan semua pihak dalam menjayakan program tersebut (Mahmood Nazar, 2004).

1.4 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk meninjau persepsi pelajar dan guru terhadap pelaksanaan PPD di sekolah menengah sama ada program yang dijalankan dapat membantu menangani permasalahan disiplin pelajar di sekolah atau tidak. Penyelidik berminat untuk menjalankan kajian di beberapa buah sekolah di daerah Kota Bharu. Ini adalah kerana berdasarkan rekod Laporan Disiplin Sekolah 2002 hingga 2005 sebelum ini, sekolah-sekolah ini adalah antara sekolah yang banyak melaksanakan PPD bagi membendung masalah disiplin. Namun begitu, prestasi akademik masih rendah walaupun banyak program akademik telah dijalankan. Sehubungan itu, pandangan, pendapat pentadbir, guru-guru dan guru disiplin akan diambil kira bagi mendapatkan hasil penyelesaian dan pengurangan masalah disiplin di sekolah. Ini adalah kerana pencapaian cemerlang oleh pelajar dalam peperiksaan adalah suatu perkara yang baik tetapi ia hendaklah diimbangi dengan pembentukan akhlak yang

mulia. Memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan tidak bermakna kalau perangai pelajar seperti “jemuan” atau buruk (Ibrahim, 1997).

1.5 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat persepsi pelajar dan guru terhadap program peningkatan disiplin di sekolah menengah daerah Kota Bharu, Kelantan.

Secara khususnya objektif kajian ialah untuk :-

- i. Meninjau pelaksanaan PPD di sekolah
- ii. Meninjau persepsi pelajar terhadap pelaksanaan PPD di sekolah
- iii. Meninjau persepsi guru terhadap pelaksanaan PPD di sekolah
- iii. Melihat perbezaan pelaksanaan PPD berdasarkan latar belakang pelajar
- v. Meninjau tahap dan jenis-jenis salah laku pelajar

1.6 Persoalan kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian yang hendak dibuat iaitu meninjau persepsi pelajar dan guru terhadap pelaksanaan PPD yang dijalankan di sekolah menengah di daerah Kota Bharu, diharapkan menjawab persoalan kajian seperti berikut :-

- i. Apakah tahap pelaksanaan PPD secara keseluruhannya?
- ii. Apakah persepsi pelajar terhadap proses pelaksanaan PPD secara keseluruhannya?
- iii. Apakah persepsi guru terhadap proses pelaksanaan PPD secara keseluruhannya?



- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi pelaksanaan PPD berdasarkan jantina dan umur pelajar?
- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi pelaksanaan PPD berdasarkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum?
- vi. Apakah tahap dan jenis-jenis salah laku pelajar yang dominan?

1.7 Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan diharap dapat memberikan maklumat kepada beberapa pihak yang berminat termasuk ibu bapa, guru, pelajar, masyarakat, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) serta Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Program dijalankan bagi meningkatkan keadaan disiplin semasa dan sekaligus untuk meningkatkan tahap disiplin pelajar secara keseluruhannya. Tanpa memasukkan program pendidikan nilai dalam kurikulum, cita-cita untuk melahirkan generasi cemerlang dari semua segi tidak akan terhasil. Ia sebenarnya adalah matlamat FPK untuk melahirkan insan yang seimbang dari semua aspek (Ismail dan Mustapha, 1997). Ini adalah kerana negara kita akan terus maju menuju era wawasan 2020 dan pelajar sekolah hari ini akan menjadi pewaris era 2020. Maka persoalannya sekarang ialah mampukah pelajar membina tamadun bangsa yang bermoral di samping berketrampilan dalam bidang ekonomi dan politik? Hal ini merupakan cabaran sengit yang perlu dihadapi dalam dunia pendidikan. Kita perlukan generasi yang dapat memelihara kedaulatan agama, bangsa dan negara yang telah dibina (Matnor, 1997). Dengan matlamat jelas dan mengorak langkah secara bijaksana, kita akan dapat menangani cabaran yang mendatang dengan penuh semangat juang dalam memperbaiki kepincangan yang telah menyerang dunia pendidikan, khasnya kepada permasalahan disiplin pelajar.



Sebab itu berbagai bentuk program pementapan rohani dan akhlak telah dijalankan di seluruh sekolah di Malaysia bagi menangani permasalahan disiplin pelajar.

Adalah diharapkan kajian ini akan dapat mendokumentasikan kekuatan dan kelemahan PPD. Kekuatan yang bakal dikenal pasti boleh ditingkatkan seterusnya dan sebaliknya kelemahan, kesulitan dan kekangan yang mungkin ada perlu ditangani supaya PPD boleh dilaksanakan dengan lebih baik dan berkualiti. Hanya dengan cara ini pelaksanaan sesuatu program itu akan menjadi lebih murni dan mantap. Adalah diharapkan hasil kajian ini akan menjadi maklum balas, maklumat serta panduan yang berguna bagi semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam program ini. Hasil dari kajian pelaksanaan PPD ini diharapkan akan membolehkan langkah-langkah yang sewajarnya diambil oleh pihak-pihak tertentu dalam merealisasikan FPK. Adalah diharapkan juga dapatan kajian ini akan menjadi rujukan berguna kepada seluruh sekolah di Malaysia kerana kecemerlangan disiplin pelajar akan turut mempengaruhi kecemerlangan akademik sekolah.

1.8 Batasan kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 di empat buah sekolah yang terpilih yang terletak dalam Pejabat Pelajaran Daerah Kota Bharu sebagai sampel kajian. Manakala guru-guru yang dipilih untuk dijadikan responden dalam kajian ini adalah mereka yang mengajar pelajar-pelajar yang terlibat dalam PPD.

Kajian ini memberi tumpuan terhadap PPD yang bersifat pementapan kerohanian dan pembinaan akhlak seperti motivasi, bina insan, ceramah, solat hajat dan bimbingan kaunseling. Kajian ini hanya berfokuskan kepada penilaian proses dan

penilaian produk berdasarkan Model Penilaian CIPP dan telah diadaptasi oleh pengkaji mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan.

1.9 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian ini serta kajian-kajian lalu oleh ahli-ahli psikologi dan beberapa pengkaji tempatan tentang pelaksanaan program peningkatan disiplin, maka hipotesis kajian telah dibentuk.

a) Hipotesis 1

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi pelaksanaan PPD berdasarkan jantina

b) Hipotesis 2

Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi pelaksanaan PPD berdasarkan umur

c) Hipotesis 3

Ho 3 : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi pelaksanaan PPD berdasarkan penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum


1.10 Kerangka Konsep Kajian

Berdasarkan Model Penilaian CIPP (Stufflebeam et al., 1971), penyelidik membina kerangka konsep bagi memberi arah yang sistematik untuk melaksanakan kajian ini sepenuhnya. Kerangka konsep kajian ini telah mengadaptasikan model penilaian CIPP


supaya ia nampak lebih jelas dan penyelidik dapat memahami hala tuju kajian yang dijalankan nanti.

Dalam konteks kajian ini, penyelidik hanya memberi tumpuan kepada dua komponen dalam model penilaian CIPP iaitu penilaian proses dan penilaian produk/hasil. Penyelidik tidak melihat komponen konteks dan komponen input. Ini adalah kerana komponen konteks seperti matlamat FPK dan wawasan sekolah telah ditentukan oleh pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah. Manakala komponen input pula merupakan sumber yang digunakan untuk membantu pencapaian matlamat seperti kemudahan peralatan, tempat kursus dan sebagainya.

Pembolehkan Bebas



Pembolehkan Bersandar



Rajah 1 : Kerangka konsep kajian diadaptasi daripada Model CIPP

(Stufflebeam et al.,1971)

Pelaksanaan PPD merupakan pembolehkan bebas kerana dalam program ini akan diberikan penekanan atau fokus kepada pembinaan kerohanian dan akhlak

pelajar sekolah. Terdapat banyak aktiviti yang dapat dijalankan bagi meningkatkan disiplin para pelajar supaya menjadi lebih baik iaitu dengan mengadakan aktiviti seperti motivasi, bina insan, solat hajat serta bimbingan dan kaunseling.

Keberkesanan program yang dilaksanakan dapat dilihat melalui proses pengajaran dan pembelajaran kerana guru-guru dapat melihat tahap disiplin pelajar sebelum dan selepas sesuatu program dijalankan. Selain itu, keberkesanan PPD yang dilaksanakan juga dapat dilihat melalui interaksi yang berlaku di antara guru dan pelajar serta antara pelajar dengan pelajar itu sendiri dan juga melalui aktiviti yang dijalankan. Proses pelaksanaan program adalah pembolehubah bersandar kerana proses yang berlaku adalah berdasarkan program yang dilaksanakan.

Menurut Razali (1987), penilaian merupakan bidang ilmu yang diamalkan dalam pelbagai tugas bagi meningkatkan keberkesanan program-program yang dilaksanakan. Kajian ini meninjau proses pelaksanaan PPD yang dijalankan di sekolah. Aspek proses tertumpu kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Interaksi pelajar yang mengikuti program dan juga bentuk aktiviti yang dijalankan dalam menyokong dan membantu menjayakan proses pelaksanaan PPD juga turut ditinjau.

Aspek produk pula tertumpu kepada pencapaian matlamat pelaksanaan PPD iaitu bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar dan guru terhadap pelaksanaan PPD. Penilaian produk ini dilihat dalam tahap hasil semerta (*immediate outcome*). Dalam bahagian ini, pengkaji ingin melihat kepada sikap, persepsi dan jenis salah laku pelajar.

1.10.1 Rasional pemilihan model CIPP dalam kajian

Model CIPP dipilih kerana ia merupakan model yang komprehensif dan dapat menjelaskan serta menghuraikan bagaimana penilaian boleh memberi sumbangan kepada proses membuat keputusan tentang keberkesanan sesuatu program yang dijalankan. Mohd Asri (2002) dan Siti Aminah (1997), juga turut bersetuju bahawa Model CIPP memberi satu usaha yang komprehensif dan sistematik dalam mengumpul maklumat untuk tujuan melihat kualiti program. Model ini juga tidak tersendiri dalam menilai sesuatu fenomena, tetapi mengumpul dan memberi maklumat untuk memastikan nilai sesuatu program. Komponen-komponen dalam CIPP menyediakan satu aliran sebagai proses menggambarkan, menggariskan, memperolehi dan menyediakan maklumat berguna untuk memilih atau mengadakan tindakan-tindakan alternatif (Stufflebeam D.L. 2003). Dalam konteks penilaian yang dilakukan, CIPP memberikan pilihan kepada pengkaji untuk dua aspek utama iaitu penilaian proses

dan penilaian produk.

Pengasas Model Penilaian CIPP adalah Stufflebeam et al. (1971). Menurut mereka, model berkenaan mempunyai empat komponen iaitu penilaian konteks, penilaian input, penilaian proses dan penilaian produk/hasil. Penilaian program menurut Stufflebeam et al., boleh dibuat dengan menggunakan semua komponen ataupun mana-mana komponen tetapi hendaklah secara berurutan. Model ini juga telah diadaptasikan dalam pembangunan program-program lain termasuk program kaunseling.

Menurut Stufflebeam et al., penilaian konteks bertujuan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan sesetengah objek, seperti program ataupun institusi bertujuan ke arah penambahbaikan. Penilaian konteks tertumpu kepada masalah persekitaran dan ia adalah untuk menentukan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian

matlamat program. Ia juga berfungsi pada tahap perancangan. Menentukan apakah aspek-aspek yang perlu dipertimbangkan yang dapat membantu ke arah merealisasikan matlamat program. Penilaian input pula tertumpu pada sumber yang terlibat dalam membantu pencapaian matlamat dan membantu menstruktur keputusan. Mengenal pasti apakah sumber-sumber kemudahan yang ada, strategi-strategi alternatif program yang perlu dipertimbangkan serta pelan tindakan yang menunjukkan potensi untuk memenuhi keperluan program sekali gus membantu mereka membentuk prosedur program. Penilaian proses pula tertumpu pada proses yang digunakan untuk mencapai matlamat program. Ia berfungsi dalam keputusan yang berhubungkait dengan proses pelaksanaan program dan maklumat perlu diketahui dari masa ke semasa untuk mengawasi pelaksanaan program. Penilaian produk/hasil tertumpu kepada hasil program setelah ia tamat dilaksanakan. Ia membantu dalam menggunakan serta mempertimbangkan semula keputusan-keputusan. Apakah yang perlu dilakukan ke atas program selepas matlamatnya tercapai? Apakah keputusan-keputusan yang telah diperolehi? Soalan-soalan tersebut penting dikemukakan untuk menentukan pencapaian matlamat program (Stufflebeam, D.L. 2003).

Dari sudut pelaksanaannya, Stufflebeam dan Shinkfield (1985) mencadangkan struktur logik yang perlu diikuti yang meliputi langkah-langkah berikut:

- Menfokuskan penilaian
- Mengumpul maklumat
- Mengorganisasi maklumat
- Menganalisis maklumat
- Melaporkan dapatan penilaian dan
- Mengimplimentasikan perubahan

Dalam konteks penilaian yang bakal dijalankan, CIPP memberikan pilihan kepada penilai untuk menangani empat jenis keputusan iaitu domain penilaian konteks bertujuan mengenal pasti perbezaan antara tujuan asas program itu dilaksanakan berbanding dengan kedudukan semasa program dijalankan. Orientasi utama penilaian konteks adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan serta memberi panduan ke arah penambahbaikan, menyiasat sama ada matlamat yang sedia ada bersesuaian serta selaras dengan kehendak dan keperluan pengguna program. Manakala penilaian input pula membantu menentukan perubahan-perubahan yang diperlukan dalam sesuatu program. Penilaian proses merupakan semakan berterusan terhadap implimentasi perancangan yang telah dibuat. Sejauhmana aktiviti-aktiviti program mengikut jadual yang dirancang dan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada dengan efisien. Penilaian produk pula mengukur, mentafsir dan mempertimbangkan pencapaian matlamat sesuatu program khususnya (Fitzpatrick et al., 2004).

Dalam kajian ini, penilaian proses tertumpu kepada aspek proses pengajaran dan pembelajaran, interaksi serta aktiviti yang dijalankan. Dalam penilaian proses, tumpuan turut diberikan kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti PPD supaya dapat berjalan dengan baik sehingga program tersebut selesai dilaksanakan. Penilaian produk pula adalah bertujuan melihat persepsi pelajar dan guru terhadap pelaksanaan program sama ada pada peringkat rendah, sederhana, sederhana tinggi dan tinggi. Malah ia turut meninjau sikap pelajar dan salah laku pelajar.

1.11 –Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah perlu dijelaskan sebagai satu garis kasar yang akan menentukan maksud, peringkat dan skop perbincangan.

1.11.1 Program Peningkatan Disiplin (PPD)

PPD merupakan satu program yang menjadi amalan di semua sekolah ke arah mencapai kecemerlangan pendidikan dan disiplin. Setiap sekolah mempunyai kaedah serta cara tersendiri dalam menyusun PPD (Rosnani, 2002). Memandangkan kes salah laku yang melanggar peraturan sekolah dan masalah disiplin semakin bertambah tanpa ada pengurangan atau penyelesaiannya, maka pihak sekolah dengan kerjasama semua guru telah mengadakan PPD di sekolah untuk sepanjang tahun. PPD yang dinilai oleh penyelidik ialah program yang berkaitan dengan usaha-usaha pemulihan dan pengukuhan seperti program motivasi, kem bina insan, ceramah agama, bimbingan dan kaunseling serta solat berjemaah.

1.11.2 Persepsi

Ditakrifkan sebagai tanggapan atau gambaran yang terkandung dalam penilaian individu atau kelompok tertentu terhadap sesuatu keadaan atau sistem. Persepsi menurut Mohd Asri (2002), meliputi aspek sikap, minat, pengalaman dan persekitaran pelajar terhadap sesuatu pembelajaran. Persepsi juga adalah penilaian yang dibuat oleh seseorang terhadap orang lain, benda dan juga kejadian. Ia melibatkan proses menerima, menyusun dan memilih segala maklumat yang diperolehi melalui deria masing-masing untuk membentuk satu gambaran bermakna pada diri seseorang. Oleh itu, ia sering mempengaruhi tingkah laku, percakapan dan perasaan seseorang. Menurut Mohd Musleh (1996), persepsi seseorang adalah penting kerana ia

merupakan tanggapan serta gambaran perasaan yang boleh menentukan tahap penerimaan seseorang terhadap sesuatu program dan maklumat yang dikemukakan. Maka dengan ini penyelidik cuba mendapatkan persepsi pelajar dan guru dalam mengenalpasti tahap pelaksanaan PPD.

1.11.3 Sikap

Colton (1994) dalam Mohd Asri (2002), menyatakan sikap yang ditunjukkan ada mempunyai kaitan dengan pengalaman yang dilalui oleh seseorang pelajar. Sikap positif menunjukkan suasana yang menggembirakan dan seronok. Sikap adalah sebagai suatu tindak balas seseorang samada positif atau negatif. Ia juga timbul dari keinginan terhadap rangsangan yang mendorong individu untuk mencapai keperluan diri dan matlamat bagi mendapat kepuasan peribadi. Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengenal pasti apakah sikap pelajar terhadap program, semasa mengikuti program dan tindak balasnya selepas PPD dijalankan.

1.11.4 Tahap Salah Laku

Perbuatan salah laku adalah segala tingkah laku atau perbuatan yang melanggar peraturan norma, tatasusila serta nilai yang telah ditetapkan. Menurut Ab. Alim (1994) dan Ibrahim (1997), terdapat pelbagai jenis salah laku yang wujud hasil daripada ketidak sanggupan seseorang individu untuk mematuhi peraturan, undang-undang dan tata tertib yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah atau KPM. Tahap bermaksud tingkat atau peringkat keupayaan yang dimiliki oleh individu yang boleh menggambarkan prestasi. Mengikut Ahmad Jaffni (1991), tahap salah laku pelajar adalah berbeza antara individu dan sekolah. Tahap salah laku boleh dikatakan sebagai peringkat kesalahan pelajar.

1.11.5 Penilaian Proses Pelaksanaan

Penilaian proses pelaksanaan pula tertumpu pada proses yang digunakan untuk mencapai matlamat program. Ia berfungsi dalam keputusan yang berhubungkait dengan proses pelaksanaan program dan maklumat perlu diketahui dari masa ke semasa untuk mengawasi pelaksanaan program. Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat proses pelaksanaan program berjalan seperti yang dirancang; adakah pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan baik, bagaimana interaksi pelajar dengan penceramah dan apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan sesuai dengan pelajar serta menyeronokkan ataupun sebaliknya. Ini kerana semua maklumat yang diperolehi daripada pelajar adalah sangat berguna dalam membantu menjayakan proses pelaksanaan PPD.

1.11.6 Penilaian Produk/Hasil

Penilaian produk tertumpu kepada hasil program setelah ia tamat dijalankan samada program yang dilaksanakan telah tercapai matlamat yang ditetapkan ataupun tidak. Melalui penilaian hasil, penyelidik ingin mengetahui, sikap pelajar, jenis salah laku pelajar yang dominan serta persepsi pelajar dan guru terhadap pelaksanaan PPD secara keseluruhan.

1.12 Definisi Penilaian Program

Penilaian Program ialah satu proses yang digunakan dalam pendidikan. Menurut Worthen dan Sanders (1987), ia adalah satu proses pengumpulan data dan maklumat hasil daripada penyiasatan yang sistematik tentang pelbagai aspek untuk menilai kelemahan dan kekuatan sesuatu program.

Menurut Stufflebeam, D.L. (2003), model penilaian CIPP telah dibangun

pada akhir tahun 1960an bagi tujuan membantu serta mencapai akauntabiliti khusus bagi program-program sekolah yang telah dilaksanakan di Amerika Syarikat. Seterusnya model ini telah diadaptasikan dan diimplementasi dalam program pendidikan di seluruh dunia pada hari ini. Model ini adalah bersifat komprehensif dan telah diadaptasikan bagi membolehkan ia digunakan dan seterusnya disesuaikan apabila membuat penilaian terutamanya berkenaan dengan penilaian program, penilaian projek, penilaian produk, penilaian institusi serta penilaian sesuatu sistem. Menurut beliau lagi, model CIPP telah meluas penggunaannya sama ada dalam sektor pendidikan, perniagaan, perubatan, program sosial/amal dan sebagainya. Menurut Gredler (1996) dan Mc Namara (1998) dalam Norasamah (2002), penilaian program ialah proses pengumpulan maklumat tentang program serta bahan-bahan berkaitan dengan program bagi tujuan membuat keputusan. Penilaian program ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan model penilaian yang sesuai bergantung kepada tujuan atau matlamat penilaian tersebut.

1.13 Disiplin : Konsep, Dasar dan Proses yang diamalkan di sekolah

Terdapat pelbagai konsep dan definisi yang diutarakan berkenaan disiplin. Dalam Akta Pendidikan 1996 (Peraturan Pendidikan 1998), disiplin ditakrifkan sebagai “cara perlakuan yang ditetapkan kepada murid dalam alam persekolahannya bagi mewujudkan tingkah laku yang kondusif demi kesempurnaan sistem dan proses pendidikan”.

Mengikut buku Rekod Salah Laku/ Masalah Disiplin Pelajar, ada lapan jenis salah laku disiplin pelajar iaitu tingkah laku jenayah, tingkah laku lucah, kekemasan

diri, tingkah laku tidak mementingkan masa, tingkah laku kurang sopan dan biadap, tingkah laku musnah, tingkah laku tidak jujur/ menipu dan ponteng.

Robiah dan A.Nadri (1991) dan Rohaty (1991), menyatakan pelajar perlu mempunyai dan menghargai serta menghayati perlakuan yang diharapkan oleh masyarakat dan negara serta sanggup mengamalkan perlakuan positif dalam konteks yang lebih luas seperti sifat kesetiaan kepada sekolah, daerah, negeri dan negara. Mengikut buku panduan disiplin untuk pelajar oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (1981), konsep disiplin mestilah mempunyai ciri-ciri berikut :

- i. memahami dan mematuhi peraturan
- ii. menepati waktu
- iii. rajin dan berdaya usaha
- iv. jujur dan ikhlas
- v. sentiasa bersedia berkhidmat dan bekerjasama
- vi. berbudi bahasa, bersopan santun dan berdiplomasi
- vii. bersih, cekap dan amanah
- viii. menghormati orang lain
- ix. taat setia kepada raja dan negara
- x. kasih sayang kepada ibu bapa
- xi. mencintai sekolah
- xii. berfikiran luas dan berpandangan jauh

Konsep disiplin menurut Rohaty (1991), merupakan proses pendidikan serta latihan dan pembelajaran yang berkemuncak kerana mematuhi peraturan, kesedaran mereka terhadap nilai yang rasional, munasabah serta menegakkan kesedaran moral dan keadilan dalam diri mereka berdasarkan peraturan-peraturan yang telah

ditetapkan. Oleh sebab itu tugas menentukan disiplin yang baik di kalangan pelajar sekolah bukan ditanggung oleh pihak sekolah sahaja, malah masyarakat terutamanya ibu bapa yang mempunyai pengaruh besar dalam menghasilkan remaja berdisiplin (Ibrahim, 1997). Tambah beliau lagi dalam konteks sekolah, disiplin yang diamalkan adalah berdasarkan prinsip-prinsip keadilan, kebebasan, minat, kehormatan individu dan kemesraan perhubungan. Layanan adalah sama rata dan sesuai dengan keadaan manakala hak sebagai individu turut dihormati. Beliau juga menyatakan segala unsur positif digalakkan dan diperkembangkan, manakala yang negatif dikawal dan diawasi.